



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **30 RIBU MOTOSIKAL DARI SELURUH NEGARA BERHIMPUN DI KARNIVAL RODA MANIA W.P PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 16 April 2016** – Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Roda Mania 1.0 & Serlahkan Kehebatan 5.0 di Dataran Putrajaya, Presint 3 disini. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Yayasan Perpaduan Ummah (YPU).

2. Program ini menghimpunkan seramai 30 ribu orang peserta bermotosikal yang terdiri daripada 298 kelab motosikal dari seluruh negara. Selain itu terdapat juga 100 buah *food truck* di tempatkan di sekitar kawasan program bagi memeriahkan sambutan ini. Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk para belia dalam perhimpunan besar-besaran ini seperti klinik *Do It Yourself* (DIY) iaitu klinik yang memberi tunjuk ajar bagaimana membaiki motosikal, kereta dan telefon pintar. Terdapat juga program street dakwah, qiamulail, majlis khatam quran dan mini forum perdana semasa program ini berlangsung. Antara impak positif yang dapat dilihat daripada program ini ialah membentuk nilai-nilai murni serta membendung gejala sosial di kalangan remaja melalui program-program dakwah yang diadakan.

3. Kelebihan yang terdapat dalam program ini ialah pengunjung dan peserta yang hadir dapat menikmati kepelbagaian makanan dan minuman yang dijual menggunakan konsep '*food truck*' dan melihat pelbagai jenis kenderaan yang jarang dilihat di jalan raya dihimpunkan di satu tempat dalam satu masa. Ini dapat memberi peluang kepada orang ramai bersama-sama memeriahkan program yang dianjurkan khusus untuk anak-

anak muda supaya dapat bersaing ke arah sikap berdaya maju, menyertai aktiviti berfaedah dan menanamkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

4. Objektif program ini adalah untuk mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan penunggang motosikal dan kelab-kelab kereta yang hadir dari seluruh negara terdiri dari pelbagai peringkat latar belakang. Program seumpama ini dapat membina perhubungan dan menyemai semangat keusahawanan di kalangan belia dengan melihat dan berjumpa sendiri dengan para usahawan muda dalam perniagaan berkonsepkan trak makanan. Program ini juga diharap dapat memupuk sifat-sifat positif dan secara tidak langsung membendung belia dan remaja daripada gejala negatif seperti lumba haram dan aktiviti tidak sihat daripada semakin menular. Program ini merupakan salah satu usaha mengubah persepsi rakyat Malaysia terhadap penunggang motosikal dan pemandu kereta yang sering kali dianggap sebagai “Mat Rempit” atau “Pelesit Jalanan”. Sasaran untuk mencipta dan memecahkan rekod baru Perhimpunan Motosikal Terbesar dan Trak Makanan Terbesar dalam *Malaysia Book of Records* adalah bagi menghargai penglibatan belia dalam program ini.

5. Diharapkan agar Karnival Roda Mania 1.0 & Serlahkan Kehebatan 5.0 ini dan juga aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan, pertubuhan sukarela dan NGO dapat memberikan impak yang lebih berkesan dalam usaha menyedarkan golongan belia agar dapat menjadi belia harapan negara yang berkualiti. Selain itu, dengan adanya program seumpama ini dapat memupuk anak muda dan masyarakat umumnya mengekalkan keharmonian dan perpaduan ke arah warga Wilayah Persekutuan sejahtera dan ceria.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Putrajaya,

16 April 2016